

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]
TARIKH :
SOALAN :

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a) perkembangan terkini bagi projek Klinik Kesihatan Sibu Jaya di Sibu dan jumlah peruntukan yang diluluskan; dan
- b) jumlah pesakit yang mengunjungi Klinik 1Malaysia di Sibu Jaya sejak ia ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Bagi projek Klinik Kesihatan Sibu Jaya, kemajuan di tapak sehingga 30 April 2015 adalah 100% jadual berbanding 91.51% sebenar. Projek lewat sebanyak -8.49%. Kos projek yang telah diluluskan adalah sebanyak RM33,081,708.00. Projek dijangka siap pada bulan Jun 2015. LAD yang dikenakan sehingga 30 April 2015 adalah sebanyak RM 703,458.20 iaitu RM 4538.44 sehari.

Tuan Yang di-Pertua,

b) Semenjak Klinik 1Malaysia (K1M) Sibu Jaya beroperasi pada 2 Mei 2013, kedatangan setiap tahun telah menunjuk peningkatan dari 14,919 orang dalam tahun 2013 kepada 26,834 orang dalam tahun 2014. Dari tahun 2013 dan sehingga Mac 2015, kedatangan kumulatif ke klinik ini telah mencapai hampir 50,000 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG]

PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

- (a) langkah- langkah yang telah dan akan diambil dalam usaha menangani isu-isu kenaikan harga barangan apabila Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dilaksanakan; dan
- (b) jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian sejak pelaksanaan GST dan tindakan yang telah diambil ke atas peniaga dan apakah jenis bantuan yang akan dihulurkan kepada peniaga kecil jika mereka menghadapi kesulitan untuk membayar GST.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sentiasa memandang serius akan isu kenaikan harga barang semasa pelaksanaan GST. Sehubungan itu, Kementerian telah dan sedang secara berterusan memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas mana-mana peniaga yang didapati melakukan penipuan atau mengambil kesempatan menaikkan harga barang dalam pelaksanaan GST melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011).

Bagi tujuan tersebut, pelbagai langkah dan tindakan telah dilaksanakan oleh Kementerian, antaranya ialah seperti berikut:

- a) Melaksanakan **OPS CATUT Fasa Pertama** yang bermula pada **15 Januari 2015** hingga **31 Mac 2015** dan **Fasa Kedua** yang bermula daripada **1 April 2015** sehingga ke hari ini.

Di bawah pelaksanaan **OPS CATUT Fasa 1**, sebanyak **597,833 premis perniagaan** di seluruh negara telah diperiksa. Dari jumlah ini, sebanyak **2,871 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM492,137** dan nilai kompaun sebanyak **RM335,166**. Manakala di bawah **Seksyen 21 AKHAP 2011**, sebanyak **286 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barang.

Di bawah **OPS CATUT Fasa 2** pula, sehingga **31 Mei 2015** sebanyak **393,335 premis perniagaan** di seluruh negara telah diperiksa. Dari jumlah ini, sebanyak **1,192 kes** telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM193,885.15** dan nilai

kompaun sebanyak **RM181,020.00**. Manakala di bawah **Seksyen 21 AKHAP 2011**, sebanyak **965 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barang.

Kementerian turut memperluas lagi penguatkuasaan di bawah OPS CATUT Fasa 2 dengan melaksanakan pendekatan penguatkuasaan secara **Cross Border/District** sejak 8 April 2015. Selain itu, Kementerian turut meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan di kawasan luar bandar mulai 24 April 2015.

Sehingga **31 Mei 2015**, sebanyak **52 kertas siasatan** telah dihasilkan di bawah AKHAP 2011 iaitu **18 kertas siasatan** di bawah Seksyen 14(1) kerana **kesalahan mencatut**, **33 kertas siasatan** di bawah Seksyen 21(5) kerana **enggan atau gagal memberi maklum balas kepada notis** yang dikeluarkan dan **1 kertas siasatan** di bawah Seksyen 53A kerana **tidak menyimpan dan menyelenggarakan rekod**.

Daripada jumlah tersebut, kes yang telah dituduh di mahkamah di bawah AKHAP 2011 sehingga 31 Mei 2015 adalah seperti yang berikut:

- i) **5 kes telah selesai** di Mahkamah iaitu 2 kes di Melaka, 1 kes di Negeri Sembilan, 1 kes di Kelantan dan 1 kes di Kuala Lumpur;
- ii) kes yang **telah dituduh dan masih belum selesai** adalah sebanyak **4 kes** iaitu 2 kes di Selangor, 1 kes di Pulau Pinang dan 1 kes di Johor; dan
- iii) **3 kes** telah **ditawarkan kompaun**;

Tuan Yang Di-Pertua,

- b) Kementerian telah menubuhkan Pusat Gerakan Antipencatutan (PGAP) bermula **30 Mac 2015** sebagai saluran utama aduan/pertanyaan daripada rakyat mengenai sebarang kesalahan/isu berkaitan GST untuk diambil tindakan oleh Kementerian. Sehingga **31 Mei 2015**, sebanyak **21,591 aduan/pertanyaan** telah disalurkan ke PGAP melalui saluran-saluran berikut.
- i) e-Aduan – **6,404**;
 - ii) Media sosial – **8,383**; dan
 - iii) Jumlah panggilan yang disalurkan ke PGAP - **6,804**.
- Selain tindakan susulan di pihak Kementerian, terdapat sebanyak **2,177 aduan** merangkumi **1,421 aduan** mengenai GST kad tambah nilai telefon dan **756 aduan** mengenai ID GST telah disalurkan ke Kementerian Kewangan untuk tindakan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan, 2014;
- c) Melancarkan aplikasi pintar MyKIRA GST pada 30 Mac 2015 sebagai alat interaktif untuk pengguna menyemak harga barang. Sehingga kini, aplikasi tersebut telah mencatatkan sebanyak **91,230 penggunaan**;
- d) Melancarkan aplikasi Ez-ADU KPDKKK pada 16 April 2015 bagi memudahkan pengguna untuk menyalurkan maklumat dan aduan melalui telefon pintar. Sehingga **31 Mei 2015**, aplikasi tersebut telah dimuat turun sebanyak **3,185 kali**. Sebanyak **1,838 aduan** telah diterima melalui aplikasi ini daripada orang awam di mana **76 aduan** adalah berkaitan GST;
- e) Kementerian juga telah melancarkan **Garis Panduan Mekanisme**

Margin Keuntungan Bersih dan Penandaan Harga Dalam Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan Kepada Peniaga dan penyerahan ***Compliance Pledge*** pada 26 Mac 2015; dan

- f) Di samping itu, Kementerian telah turut mengadakan **18 sesi pertemuan (*engagement*)** dengan persatuan perniagaan, pengeluar, pembekal, pemborong, pengimport dan pengusaha perkhidmatan, syarikat audit dan firma guaman bertujuan meningkatkan pemahaman dan pematuhan terhadap AKHAP 2011 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Sebanyak **54 syarikat, persatuan dan individu** telah menyerahkan Persetujuan Pematuhan (*Compliance Pledge*) kepada Kementerian.

Tuan Yang Di-Pertua,

Garis Panduan Mekanisme Margin Keuntungan Bersih dan Penandaan Harga Dalam Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan Kepada Peniaga yang dikeluarkan oleh Kementerian ini adalah bertujuan memberikan penjelasan dan kefahaman kepada peniaga mengenai peruntukan undang-undang yang berkaitan pencatutan dan meningkatkan pematuhan peraturan margin keuntungan bersih oleh peniaga. Pelaksanaan GST sepatutnya tidak menjadi satu kos tambahan kepada peniaga dan peniaga yang memperolehi pendapatan tahunan kurang daripada RM500,000 tidak perlu berdaftar dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam pelaksanaan GST. Peniaga-peniaga yang memerlukan bantuan dari segi penyediaan sistem untuk pengiraan GST boleh merujuk kepada pihak JKDM.